



SIARAN MEDIA

PELANTIKAN PENGURUSAN TERTINGGI AGENSI NUKLEAR MALAYSIA YANG BAHARU

BANGI, 8 September 2023 – YBrs. Dr. Rosli bin Darmawan telah dilantik sebagai Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia (memangku Gred Utama B, KUP), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) berkuat kuasa 6 September 2023 menggantikan YBrs. Dr. Abdul Rahim bin Harun yang telah bersara pada 1 Mei 2023.

Pelantikan YBrs. Dr. Rosli bin Darmawan dibuat berdasarkan kelayakan, pengalaman dan pengetahuan beliau khususnya dalam bidang pembangunan dan penyelidikan Kejuruteraan berkaitan Nuklear bagi membolehkan beliau menerajui kepimpinan di Agensi Nuklear Malaysia dan seterusnya meneruskan kecemerlangan bagi mencapai matlamat kemajuan pembangunan dan penyelidikan. Beliau mendapat pendidikan Ijazah Pertama dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal dari University of the Pacific, USA, pada tahun 1990, Ijazah Sarjana dalam bidang Kejuruteraan Sistem Pembuatan pada tahun 2005 dan mendapat Ijazah Kedoktoran dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal dari Universiti Putra Malaysia pada Tahun 2015. Sebelum ini, beliau menjawat sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan Teknologi). Beliau merupakan pakar nuklear dalam bidang kejuruteraan, kemudahan dan utiliti sokongan nuklear serta mempunyai kepakaran yang luas mengenai Sistem Keselamatan Reaktor Nuklear.

Sepanjang perkhidmatan, beliau mempunyai pengalaman profesional yang berkali-kali sebagai Jurutera Kawalan Mutu (*Evergreen Heavy Industry*),

Pengurus Unit Kejuruteraan, Pengarah Bahagian Sokongan Teknikal. Sebelum ini beliau adalah Timbalan Ketua Pengarah (Program Perkhidmatan Teknikal) di Agensi Nuklear Malaysia.

Pada masa yang sama, terdapat dua (2) pelantikan baharu bagi jawatan Timbalan Ketua Pengarah berkuat kuasa 6 September 2023 di Agensi Nuklear Malaysia iaitu:

- a. **YBrs. Dr. Muhammad Rawi bin Mohamed Zin** yang dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Program Penyelidikan dan Pembangunan Teknologi), Gred Utama C. Beliau mendapat pendidikan Ijazah Pertama (Sains Gunaan) dalam bidang Fizik Gunaan) dari Universiti (Sains Malaysia), Ijazah Sarjana daripada Universiti Kebangsaan Malaysia dalam bidang Kejuruteraan Bahan dan Mekanik dan seterusnya Ijazah Kedoktoran Falsafah dalam bidang fizik dari Keele University, England. Beliau berpengalaman dalam teknologi Radioisotop Terkedap Dalam Industri. Beliau pernah memegang tanggungjawab sebagai pengurus reaktor TRIGA PUSPATI selama lima (5 tahun) dan terlibat aktif dalam penyelidikan dalam teknologi alur neutron dari reaktor nuklear. Fokus penyelidikan beliau adalah dalam pengimejan neutron radiografi dan tomografi. Beliau juga pernah bertugas sebagai Pasukan Penasihat Keselamatan Reaktor Penyelidikan Nuklear di Rantau Asia Pasifik.

- b. **YBrs. Ts. Dr. Ishak bin Mansor** pula telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Program Perkhidmatan Teknikal), memangku Gred Utama C di Agensi Nuklear Malaysia berkuat kuasa mulai 6 September 2023. Beliau mendapat pendidikan Ijazah Pertama dalam bidang Elektrikal dan Elektronik dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1989, Ijazah Sarjana dalam bidang *Power Electronic* dari Bradford University, United Kingdom dan seterusnya mendapat Ijazah Kedoktoran dalam bidang Sains Bahan juga daripada Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau yang memegang jawatan sebagai Pengarah Kanan

(Pengkomersilan) di Agensi Nuklear Malaysia sebelum ini merupakan pakar dalam projek berimpak tinggi iaitu instrumen nuklear, pembangunan teknologi pemproses semikonduktor bagi penyelidikan sensor, tenaga dan pengesan radiasi.

Berdasarkan kelayakan, pengalaman, kemahiran dan ciri-ciri kepimpinan yang dimiliki oleh pengurusan tertinggi ini membolehkan Agensi Nuklear Malaysia akan terus mencapai kecemerlangan dalam bidang penyelidikan dengan cekap dan berkesan demi matlamat kemajuan pembangunan dan penyelidikan. Agensi Nuklear Malaysia mengucapkan sekalung tahniah di atas pelantikan tersebut.

TAMAT

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat

Agensi Nuklear Malaysia

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

8 September 2023

PAUTAN GAMBAR: <https://rb.gy/5mhof>

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, hubungi:

Puan Norliza binti Abdul Mihat

Ketua Unit Komunikasi Korporat

Agensi Nuklear Malaysia

norliza_a@nuclearmalaysia.gov.my

012-2351824



**YBrs. Dr. Rosli bin Darmawan,
Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia**



**YBrs. Dr. Muhammad Rawi bin Mohamed Zin,
Timbalan Ketua Pengarah
(Program Penyelidikan dan Pembangunan
Teknologi), Agensi Nuklear Malaysia**



**YBrs. Ts. Dr. Ishak bin Mansor
Timbalan Ketua Pengarah
(Program Perkhidmatan Teknikal)
Agensi Nuklear Malaysia**